



PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 1/2022

KEMASUKAN PELAJAR KE UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN PADA SEMESTER FEBRUARI SESI 2021/2022 SECARA BERPERINGKAT

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada warga UMK berkenaan pengumuman Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi pada 10 Februari 2022 mengenai persetujuan pihak kerajaan membenarkan kemasukan pelajar Institut Pendidikan Tinggi (IPT) Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) secara berperingkat mulai 1 Mac 2022 setelah mengambil kira pandangan dan syor daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
2. Pengurusan Tertinggi Universiti menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) Bilangan 3/2022 (Kali ke-249) telah bersetuju untuk membenarkan kemasukan pelajar ke Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berpandukan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) sebagaimana yang telah ditetapkan oleh KPT bersama KKM. SOP-SOP yang wajib dipatuhi adalah seperti di **Lampiran A**.
3. Penetapan bilangan dan jadual kemasukan pelajar UMK bagi Semester Februari Sesi 2021/2022 boleh dirujuk di Bahagian berikut:
 - Bahagian Penginapan Pelajar (Bachok): 09-7797439 / 11476
 - Bahagian Penginapan Pelajar (Kampus Kota): 09-7717043 / 10846
 - Bahagian Penginapan Pelajar (Kampus Jeli): 09-9477399 / 2271


Ketetapan yang dibuat telah mengambilkira kapasiti dan keutamaan Universiti iaitu keselamatan dan kesihatan pelajar sepertimana disarankan oleh pihak KPT.

4. Surat kebenaran kemasukan ke dalam kampus akan dikeluarkan oleh pihak Bahagian Pentadbiran Akademik (BPA) Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa). Bagi memastikan kelancaran dan mengurangkan risiko semasa proses kemasukan, pelajar yang mempunyai surat kebenaran sahaja dibenarkan memasuki kampus mengikut jadual yang telah ditetapkan.
5. Pihak Universiti juga telah menetapkan bahawa kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan penjadualan yang akan dilaksanakan buat masa ini adalah terhadap kepada kaedah penggiliran penggunaan ruang PdP, Pembelajaran Teradun Gantian (PTG) dan Pembelajaran Hibrid/ Fizikal yang difikirkan sesuai untuk sesuatu kursus yang akan ditetapkan oleh Fakulti masing-masing.
6. Pekeliling ini adalah tertakluk kepada arahan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.
7. Pematuhan kepada arahan ini dan SOP yang ditetapkan adalah penting bagi memastikan aktiviti di dalam kampus dapat dijalankan dengan selamat. Lindungi diri dan warga kampus dengan mengambil vaksin dan amalkan kawalan sendiri. Mencegah penularan wabak COVID-19 adalah tanggungjawab kita bersama.
8. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **18 Februari 2022**.

Sekian, harap maklum.

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUFAKAT, NEGERI BERKAT”
“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



PROF. DR. NIK MAHERAN BINTI NIK MUHAMMAD
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

18 FEBRUARI 2022

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Timbalan Naib Canselor
 - Pendaftar
 - Semua Dekan/ Pengarah Pusat Pengajian
 - Semua Ketua Pusat Tanggungjawab

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)
KEMASUKAN PELAJAR INSTITUT PENGAJIAN TINGGI KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
SECARA BERPERINGKAT MULAI 01 MAC 2022**

1. Jumlah kemasukan pelajar yang dibenarkan ialah **sebanyak 70-100%** mengikut kapasiti IPT masing-masing.
2. Pelajar dan staf yang lengkap vaksinasi dan tidak lengkap vaksinasi dibenarkan masuk ke kampus. **Namun bagi pelajar dan staf IPT yang tidak divaksinasi lengkap, mereka perlu membuat ujian RT-PCR dan berkeputusan negatif 3 hari sebelum masuk ke kampus.**
3. Ujian pengesanan COVID-19 menggunakan kaedah RTK-Ag perlu dilakukan seminggu sekali bagi mereka yang tidak divaksinasi lengkap, mengikut **Strategi Pengujian COVID-19 Kebangsaan** yang dikeluarkan oleh KKM. Ujian tersebut akan diselia dan disahkan oleh Pusat Kesihatan Universiti (PKU)
4. **Bagi pelajar antarabangsa sedia ada dan baharu, hanya yang lengkap vaksinasi sahaja dibenarkan masuk ke Malaysia.** Mereka juga wajib menjalani tempoh kuarantin selama 7 hari atau sekiranya telah mendapat dos penggalak, tempoh kuarantin ialah selama 5 hari.
5. IPT mestilah mempunyai kapasiti untuk menampung bilangan pelajar yang hadir secara fizikal dan sentiasa mematuhi SOP pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang ketat. **Pelaksanaan PdP secara hybrid dan/atau secara dalam talian dibenarkan kepada IPT.**
6. **Semua aktiviti sukan dan riadah perlu mematuhi SOP yang dikeluarkan oleh KKM.** Pelajar yang pulang ke kampus juga wajib terus mematuhi SOP umum seperti memakai pelitup muka, mengamalkan penjarakan fizikal dan sentiasa menjaga kebersihan diri.
7. Sekiranya para ibu bapa, penjaga mahupun pelajar mempunyai sebarang **pertanyaan lanjut, segera hubungi Bilik Gerakan COVID-19 KPT di talian 03-8870 6777/ 6949/ 6628**, layari laman web IPT atau terus hubungi **Ketua Bilik Gerakan COVID-19 UMK di talian 09-771 7033.**